

**JARI DAN KERTAS WARNA UNTUK MEMBAIKI KEMAHIRAN  
PENAMBAHAN SECARA KUMPUL SEMULA DI KALANGAN  
MURID TAHUN 2 DALAM NOMBOR LINGKUNGAN 1000**

Oleh

**Chua Lay Ing**

Sek. Jenis Keb.(Cina) Chung Hua Simanggang,  
95000 Sri Aman

**Abstrak**

*Penambahan merupakan operasi pertama yang harus dikuasai oleh murid-murid sebelum mereka mempelajari operasi penolakan, pendaraban dan pembahagian. Berdasarkan hasil ujian pra yang telah diberikan kepada 9 orang murid yang ditentukan, didapati peratus kelulusan hanya 11.1 peratus (%). Jelaslah, murid-murid yang berkenaan kurang cenderung terhadap penambahan yang melibatkan pengumpulan semula. Oleh itu, satu kajian telah dijalankan saya ke atas murid-murid tersebut bagi membantu mereka memahami kemahiran penambahan secara pengumpulan semula. Penggunaan pembilang dilakukan pada peringkat awal, kemudian digantikan dengan pengiraan dengan jari tangan dan mulut serta kertas warna cerah. Kertas warna digunakan bila terdapatnya pengumpulan semula pada tempat "puluh". Penganalisan data-data yang dikumpulkan telah dibuat dan data menunjukkan peningkatan murid-murid dalam pencapaian kemahiran yang ditentukan. Selepas tindakan, didapati peningkatan sebanyak 77.8% jika dibandingkan dengan keputusan ujian pra pada peringkat awal, yang mana hanya seorang murid saja yang lulus dalam ujian tersebut.*

**LATAR BELAKANG SEKOLAH DAN MURID**

SJK(C) Chung Hua Simanggang merupakan satu-satunya sekolah aliran Cina yang terletak di kawasan bandar. Sekolah ini mempunyai jumlah murid yang melebihi seribu orang murid yang terdiri daripada kaum Cina, Iban, Melayu dan sebilangan kecil kaum minoriti yang lain. Tahun ini merupakan tahun keempat saya berkhidmat di sekolah ini. Ia merupakan satu cabaran bagi diri saya kerana terpaksa berhadapan dengan ibu bapa murid yang terdiri daripada golongan terpelajar dan sangat menitikberatkan pelajaran anak-anak mereka. Saya ditugaskan mengajar mata pelajaran Matematik Tahun 2 Kuning tahun ini. Jumlah murid dalam kelas ini adalah seramai 41 orang yang terdiri daripada 21 orang murid lelaki dan 20 orang murid perempuan. Saya juga telah mengajar Matematik bagi kelas ini pada tahun lepas. Oleh itu, saya telah mengenali prestasi murid-murid kelas ini. Saya berasa susah hati bila melihat keputusan ujian mereka semakin menurun seperti yang ditunjukkan pada Jadual 1.

Jadual 1: Pretasi Kelulusan Kelas pada tahun 2004

Peperiksaan Penggal Pertama	88.4%
Peperiksaan Penggal Akhir	74.4%

Penurunan sebanyak 14% (12 orang murid yang gagal) ini dijangka akan meningkat sekiranya sesuatu tindakan tidak diambil. Ini adalah kerana apa yang akan dipelajari di Tahun 2 semakin susah dan tajuk-tajuk Matematik yang perlu dipelajari juga bertambah luas mengikut Sukatan Pelajaran Matematik KBSR (Kementerian Pendidikan Malaysia, 1998). Jika keadaan ini dibiarkan berlarutan, pembelajaran Matematik bagi murid-murid yang berkenaan akan terjejas kerana operasi penambahan merupakan satu operasi yang perlu dikuasai sebelum murid-murid beralih pada pembelajaran operasi lain. Operasi penambahan merupakan asas pengiraan dalam pembelajaran Matematik atau aktiviti harian mereka. Justeru, saya membuat keputusan untuk mengkaji beberapa orang murid yang gagal itu, dengan harapan dapat membantu mereka dan diri saya bagi meningkatkan pencapaian mereka.


Sasaran kajian saya adalah murid-murid Tahun 2 Kuning. Mereka terdiri daripada 9 orang kesemuanya iaitu 4 orang murid perempuan (Eda, Wei Wei, Rose dan Vivian) dan 5 orang murid

lelaki (David, Abel, Jemas, John dan Micheal). Semuanya berbangsa Iban kecuali seorang saja yang berbangsa Cina.

Untuk mata pelajaran Matematik, saya telah membuat tinjauan tentang prestasi mereka yang berkaitan. Daripada ujian bulanan kali pertama yang diadakan pada tahun 2005, jumlah murid yang gagal dari kelas 2 Kuning ini telah bertambah. Bilangan murid yang gagal dalam ujian kali ini ialah 12 orang, iaitu 27.9% daripada jumlah kelas. Lantaran itu, saya telah mengumpul semula kertas ujian mereka untuk meneliti bahagian mana yang belum dikuasai oleh mereka. Didapati bahagian yang bermasalah bagi 12 orang murid yang gagal adalah bahagian "penambahan secara kumpul semula" dalam lingkungan nombor hingga 1000.

Antara 12 orang murid ini, saya hanya memilih 9 orang murid untuk dikaji manakala 3 orang lagi dikemudiankan kerana mereka ini tidak menunjukkan minat untuk belajar, tidak kira dalam apa jua mata pelajaran yang diajar. Saya memilih 9 orang murid ini kerana mereka adalah murid yang galus dan perlu diberi perhatian supaya tidak jauh ketinggalan dalam pelajaran mereka.

Untuk mengenal pasti isu yang hendak dikaji, satu ujian pra seperti yang ditunjukkan pada Lampiran 1 telah diberikan kepada 9 orang murid tersebut. Hasilnya jelas menunjukkan murid-murid yang berkenaan lemah dalam penambahan secara kumpul semula. Carta 1 menunjukkan perbandingan di antara hasil keputusan penambahan tanpa kumpul semula dan penambahan secara kumpul semula.



Carta 1: Peratus Kelulusan Dalam Ujian Pra Mengikut Topik Penambahan

Carta 1 jelas menunjukkan murid-murid lebih cenderung menjawab soalan berbentuk penambahan tanpa kumpul semula berbanding dengan penambahan secara kumpul semula.

Satu borang soal selidik (sila rujuk Lampiran 2) juga diedarkan kepada murid-murid yang telah ditentukan. Mereka menjawab soalan dalam borang soal selidik dengan bimbingan guru. Borang soal selidik itu bertujuan untuk meninjau minat murid, motivasi dan keadaan persekitaran yang mempengaruhi pembelajaran murid-murid tersebut. Daripada tinjauan soal selidik, 9 orang murid yang dikaji itu sudah mempunyai kemahiran asas penambahan tetapi tidak tahu mengaplikasikan dalam aktiviti harian mereka.  $\frac{5}{9}$  daripada mereka menyatakan mereka jarang membuat kerja rumah

Matematik di rumah kerana tiada sesiapa untuk mereka rujuk bila menemui masalah. Selain itu, murid-murid biasa membuat latihan dengan adanya desakan daripada guru atau bila ditegur oleh kawan di sebelah. Keadaan ini telah memperlihatkan mereka kurang mempunyai inisiatif diri untuk belajar Matematik.

## OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk:

- menambah baik amalan sendiri melalui kaedah yang diperkenalkan bagi topik penambahan secara kumpul semula di kalangan murid Tahun 2 dalam nombor lingkungan 1000; dan

- b) mengkaji bagaimana kaedah pembelajaran dengan menggunakan jari tangan dan kertas warna membantu penambahan di tempat puluh dalam kemahiran penambahan secara kumpul semula sehingga nombor 1000.


**PERSOALAN-PERSOALAN KAJIAN**

1. Bagaimana jari dan kertas warna dapat membantu murid-murid galus ini?
2. Apakah kebaikan dan kelemahan menambah dengan menggunakan jari tangan dan kertas warna?

**PELAKSANAAN TINDAKAN DAN DAPATANNYA**

Mulai awal bulan Mac hingga pertengahan bulan Jun 2005, saya telah menjalankan satu tindakan untuk memperbaiki keadaan 9 orang murid yang telah ditentukan. Pada permulaannya, saya melekatkan atau menggantungkan carta penambahan secara kumpul semula seperti pada Lampiran 3 dalam kelas. Murid-murid menghafalnya setiap hari iaitu sebelum sesi pengajaran dan pembelajaran dimulakan (seluruh kelas) dan latihan congkak selama 2 minit juga diberikan kepada mereka. Pada masa yang sama, mereka diagihkan kepada kumpulan klik belajar supaya murid yang pandai dapat membimbing mereka yang lemah.


Untuk mengelakkan mereka menambah dengan melukis bulatan kecil atau mengira dengan menggunakan jari kaki, saya telah mengajar murid-murid tersebut menambah menggunakan pembilang. Di samping itu, saya juga menerangkan bagaimana menulis nombor di tempat “sa” dan “puluh” apabila hasil tambahnya melebihi sepuluh seperti yang ditunjukkan pada rujuk Rajah 1.



Sepuluh “sa” telah dikumpul semula menjadi satu “pu”, tinggal 5 di tempat “sa”. Jadi kita tulis angka 5 di tempat “sa”.

Rajah 1: Cara penerangan yang digunakan sebelum menggunakan kertas warna

Apabila murid-murid telah dapat menambah menggunakan pembilang, gantikan pembilang dengan jari dan kertas berwarna cerah semasa membuat pengiraan seperti yang ditunjukkan pada Rajah 2. Ketika mengira, jari dan mulut perlu digunakan serentak. Sebenarnya cara ini telah pun didedahkan kepada seluruh kelas bila saya mengajar tajuk penambahan. Bagi murid yang pandai, mereka dapat menggunakannya dengan berkesan.



Rajah 2: Penggunaan Kertas Warna

9 orang murid berkenaan telah diberi bimbingan tentang teknik penambahan tersebut. Setelah dibimbing beberapa kali, 5 daripada 9 orang murid, iaitu Rose Vivian, John, Abel dan Eda, dapat menggunakan teknik "jari dan mulut" secara serentak semasa membuat latihan.


Teknik ini digunakan semasa membuat penambahan di rumah "sa", bila hasil tambahnya melebihi sepuluh dan terdapat 2 digit nombor. Misalnya 12, nombor 2 akan ditulis pada rumah "sa" dan nombor 1 pula akan dikumpul semula pada rumah "puluh". Keadaan inilah dikatakan penambahan secara kumpul semula. Bila keadaan ini berlaku, maka kertas berwarna cerah digunakan untuk menandakan atau mengingatkan murid yang berkenaan terdapat nombor yang perlu dikumpul semula di tempat yang seterusnya.

Sepanjang masa kajian tindakan dijalankan, saya telah menilai murid-murid yang berkenaan dari semasa ke semasa. Lembaran kerja dan ujian pos (Sila rujuk Lampiran 4) telah disediakan untuk menguji kemajuan murid-murid. Berdasarkan hasil pemerhatian saya kali pertama semasa lembaran kerja diberikan kepada murid-murid, mereka kelihatan hairan bercampur dengan rasa sedikit risau. Memek muka mereka jelas menggambarkan pelbagai soalan yang timbul, terutamanya muka Wei Wei, Micheal dan Jemas. "Mengapa saya? Apa harus saya buat? Apakah tujuan cikgu memanggil saya? Mengapa orang lain tidak.....?" Kesembilan mereka berjalan perlahan-lahan sambil mata mereka merenung saya menunjukkan keraguan mereka semasa menuju ke arah saya.


Semasa membuat latihan, Wei Wei, Jemas, Abel dan Micheal sentiasa termenung. Murid-murid tersebut rasa teragak-agak bila terdapat hasil tambah yang melebihi sepuluh. Mereka tidak tahu di mana hendak menulis hasil tambah yang mempunyai nombor 2 digit. Saya menggunakan cara 5W1H untuk membolehkan murid-murid yang berkenaan mengingat kembali di mana mereka perlu letak nombor yang sepatutnya dikumpulkan dan menulis nombor yang perlu ditulis dahulu sebelum penambahan yang seterusnya.

Bila mendapati murid-murid sudah tahu nombor mana yang perlu ditulis dahulu dan nombor mana yang perlu dikumpulkan di tempat 'puluh', saya pun rasa lega dan meninggalkan mereka untuk menghabiskan latihan mereka.

Walau bagaimanapun, jawapan yang diberikan masih lagi salah. Bila ditanya mengapa jawapan anda salah, David, Jemas, Rose dan Wei Wei memberi jawapan, "...lupa tambah, cikgu." Inilah masalah yang sering dihadapi oleh saya semasa dalam kelas. Rajah 3 dan 4 merupakan beberapa contoh hasil kerja mereka.



Rajah 3: Hasil Kerja David



Rajah 4: Hasil Kerja Wei-Wei

Lembaran yang sama telah saya berikan sebanyak 3 kali kepada 9 orang murid ini, tetapi keputusannya masih belum lagi mencapai apa yang dikehendaki oleh saya. Jadual 2 menunjukkan hasil yang diperolehi daripada latihan latih tubi murid-murid tersebut.

Jadual 2: Keputusan untuk latihan yang sama tetapi dijalankan pada masa berlainan

Tarikh	11.3.05	21.3.05	26.5.05	
Nama murid	Kali I	Kali ke-2	Kali ke-3	Catatan
David	3/8	4/8	0/8	-
Eda	2/8	4/8	5/8	+
Abel	2/8	0/8	8/8	+
Jemas	1/8	6/8	1/8	-
John	1/8	7/8	8/8	+
Micheal	0/8	0/8	0/8	**
Rose	2/8	4/8	1/8	-
Vivian	4/8	8/8	8/8	+
Wei Wei	1/8	3/8	0/8	-

Petunjuk: - menurun ; + meningkat ; \*\* tidak ada peningkatan


Keputusannya tidak memuaskan dan tidak konsisten. Keputusan David, Jemas, Rose dan Wei Wei menurun berbanding dengan keputusan kali kedua. Micheal pula tidak menunjukkan peningkatan.

Mengikut sasaran saya yang sebenarnya, saya berharap murid-murid dapat mencapai 75% daripada 8 soalan yang diberikan tetapi hasil yang didapati sungguh mengecewakan saya. Ini mungkin merupakan kelemahan saya semasa pengajaran dijalankan.

21 Mac adalah kali kedua saya mengedarkan latihan untuk murid-murid tersebut. Mereka berebut-rebut hendak mendapatkan kertas warna yang disediakan. Mereka nampaknya biasa saja, kecuali yang bernama Micheal (tidak menunjukkan peningkatan - rujuk Jadual 2) saja yang kelihatan resah. Dia menambah dengan cara yang telah diajar tetapi setelah diulang beberapa kali membuat pengiraan, dia masih tidak lagi menulis jawapannya. Habis basah kepalanya berpeluh, Mungkin dia berasa tertekan bila diminta membuat latihan itu. Apatah lagi bila melihat kawan-kawannya yang lain sudah menghabiskan latihan mereka.

Selepas menyemak latihan mereka, saya pun berbual-bual dengan Micheal dan Abel. Saya bertanya kepada Micheal, "Mengapa kamu berpeluh tadi?" Dia tersenyum sipu-sipu dan menjawab, "Saya rasa cemas dan takut..." Bagi Abel pula, dia tidak menjawab. Dia hanya mengeluarkan bunyi "mm..." dan mengangkatkan bahunya tanpa berkata-kata, bila ditanya mengapa semua soalan salah? Keadaan yang lebih kurang sama juga berlaku pada kali ketiga apabila latihan diberikan. Keputusan yang didapati tidak stabil seperti apa yang telah ditunjukkan pada Jadual 2.

Pada 14 Jun 2005, satu ujian pos telah diberikan kepada murid-murid untuk menilai kemajuan mereka. Keputusannya telah menunjukkan terdapat peningkatan. Kelulusan yang diperolehi dari ujian pos ialah 88.9% (hanya seorang murid saja yang masih belum menguasai kemahiran yang dikaji), manakala untuk ujian pra di awal tindakan ialah 11.1%. Carta 2 membandingkan keputusan Ujian Pra dan Pos.



Carta 2:Perbandingan Keputusan Ujian Pra Dan Ujian Pos

Kali ini Micheal ada menunjukkan sedikit kemajuan dengan mendapat 1 daripada 8 soalan yang diuji. Rajah 5 menunjukkan Lembaran Kerja Micheal. Ternampak juga kemajuan murid-murid lain walaupun ada yang tidak begitu memuaskan.

**Ujian Pos**  
**Matematik Tahun Dua**

Nama: Micheal      Kelas: (2K)      Markah: 1/8

Tulis hasil penambahan bagi soalan-soalan di bawah:

1) $\begin{array}{r} 214 \\ + 16 \\ \hline 221 \end{array}$	2) $\begin{array}{r} 316 \\ + 38 \\ \hline 344 \end{array}$	3) $\begin{array}{r} 309 \\ + 45 \\ \hline 354 \end{array}$
4) $\begin{array}{r} 443 \\ + 29 \\ \hline 562 \end{array}$	5) $\begin{array}{r} 439 \\ + 41 \\ \hline 470 \end{array}$	6) $\begin{array}{r} 578 \\ + 14 \\ \hline 582 \end{array}$
7) $\begin{array}{r} 619 \\ + 23 \\ \hline 632 \end{array}$	8) $\begin{array}{r} 855 \\ + 36 \\ \hline 881 \end{array}$	

Rajah 5: Lembaran Kerja Micheal

### REFLEKSI

Sepanjang saya menjalankan kajian tindakan ini, saya seolah-olah tidak tahu apa yang harus dibuat. Pada awalnya, jiwa saya rasa begitu tertekan kerana tidak tahu apa yang telah saya jalankan betul atau tidak. Selepas menjalankan aktiviti ke atas murid-murid, saya tidak tahu bagaimana hendak mencatat apa yang telah berlaku. Ini kerana projek ini merupakan projek pertama yang saya jalankan selepas saya tamat latihan maktab perguruan. Terasa berat hendak menggerakkan jari untuk menulis laporan. Secara kasarnya, memang tidak nampak ada apa-apa yang perlu ditulis. Selepas mengikuti kursus ini sehingga siri ke-3 yang diadakan pada pertengahan bulan Mei, barulah saya faham apa yang perlu diinterpertasikan dalam kursus ini. Apa yang saya lakukan dalam kajian tindakan sebelum ini semuanya tidak dibuat pemerhatian yang terperinci dan tidak dibuat catatan. Oleh yang demikian, saya terpaksa merenung kembali apa yang telah berlaku sepanjang tempoh aktiviti kajian ini dijalankan (bulan Mac hingga Jun 2005).

Dengan merujuk pencapaian yang diperolehi pada Carta 2, didapati Micheal seorang murid yang agak lembap dan dia memerlukan perhatian yang lebih. Di samping itu, saya juga memperolehi satu kesimpulan bahawa tidak semua murid saya dapat menerima cara saya ajar pada masa yang sama kerana mereka mempunyai kebolehan yang berbeza. Maka itu, saya akan meluangkan masa yang lebih kepada murid yang lemah seperti Micheal kelak.

Walau bagaimanapun, kursus ini telah memberi sesuatu pengalaman yang baru kepada saya. Bila difikir balik, ia memberi satu manfaat kepada saya sebagai seorang pendidik untuk memperbaiki dan mempertingkatkan diri saya terutamanya semasa menjalankan proses pengajaran dan pembelajaran. Ia juga boleh dijadikan sebagai satu dorongan bagi seorang pengajar.

Kesimpulannya, daripada tindakan kajian ini, saya telah menyedari bahawa satu cara penyelesaian atau teknik yang kita gunakan bagi sesuatu masalah tidak semestinya sesuai bagi setiap orang. Ia dapat dibuktikan dengan merujuk kepada keputusan kajian (rujuk kepada cara yang dibincangkan). Bagi murid-murid yang telah menguasai cara ini, saya berharap mereka akan mengamalkan dan menggunakannya bila membuat latihan Matematik atau mengaplikasikan dalam kehidupan harian mereka manakala bagi yang belum lagi menguasai cara ini, saya akan beri bimbingan khas supaya mereka tidak tercicir. Murid-murid ini mampu menjawab soalan yang dikemukakan jika diberi bimbingan yang secukupnya dan ianya juga memerlukan komitmen seorang guru yang bertanggungjawab terhadap tugasnya.

**BIBLIOGRAFI**

Bahagian Pendidikan Guru. (2001). *Garis panduan kursus penyelidikan tindakan untuk Maktab/Institut Perguruan Malaysia*. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia.

Gan Teck Hock. (1999). Mencari titik keseimbangan di antara keunggulan teori dan kenyataan praktis: satu kes pelaksanaan pembelajaran koperatif dalam pengajaran matematik sekolah rendah. *Jurnal Penyelidikan Pendidikan Maktab Perguruan Sarawak*, Jilid 2, No 1, 68-85.

Jeffery anak Menggu. (2003). "Aya Du." Dalam *Prosiding Seminar Kajian Tindakan 2003, 8-9 Oktober 2003*. Terbitan bersama Maktab Perguruan Tun Abdul Razak, Samarahan dan Jabatan Pendidikan Bahagian Sri Aman, 133-147.

Kementerian Pendidikan Malaysia. (1998). *Huraian Sukatan Pelajaran Matematik KBSR Tahun 2*. Kuala Lumpur: Pusat Perkembangan Kurikulum.

Kementerian Pendidikan Malaysia. (2002). *Modul 1 Pendekatan Pengajaran Dan Pembelajaran Matematik KBSR*. Kuala Lumpur: Pusat Perkembangan Kurikulum.

Kementerian Pendidikan Malaysia. (2003). *Prosiding Seminar Penyelidikan Pendidikan Kebangsaan*. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia.

Lee, T.S., Lean, K.F. & Azizah binti Haji Tengah. (2003.) *Integrated Curriculum For Primary Schools Mathematics Year 2 (Textbook Part 1)*. Kuala Lumpur: Hypersurf Corporation Sdn. Bhd.

Lee, T.S., Lean, K.F. & Azizah binti Haji Tengah, A. (2003). *Integrated Curriculum For Primary Schools Mathematics Year 2 (Activity Book Part 1)*. Kuala Lumpur: Hypersurf Corp. Sdn. Bhd.

Ministry Of Education Malaysia. (2003.) *Integrated Curriculum For Primary Schools (Curriculum Specifications: Mathematics Year 2)*. Kuala Lumpur: Pusat Perkembangan Kurikulum.

Projek Penyelidikan Tindakan Jabatan Pendidikan Bahagian Sri Aman-Betong. (2002.) *Amalan Pembelajaran Koperatif Di Kelas. Satu Pengalaman Guru-Guru Sekolah Rendah Di Daerah Sri Aman*. Sri Aman: Jabatan Pendidikan Bahagian Sri Aman-Betong.

Lampiran 1

Kertas Ujian Pra

Nama : \_\_\_\_\_ Tarikh : \_\_\_\_\_ Markah : \_\_\_\_\_

A. Penambahan terus:

$\begin{array}{r} 7 \\ + 2 \\ \hline \end{array}$	$\begin{array}{r} 6 \\ + 3 \\ \hline \end{array}$	$\begin{array}{r} 1\ 2 \\ +\ 5 \\ \hline \end{array}$	$\begin{array}{r} 3\ 5 \\ +\ 4 \\ \hline \end{array}$
$\begin{array}{r} 1\ 7\ 4 \\ +\ 1\ 5 \\ \hline \end{array}$	$\begin{array}{r} 2\ 1\ 4 \\ +\ 4\ 3 \\ \hline \end{array}$	$\begin{array}{r} 4\ 3\ 1 \\ +\ 1\ 8 \\ \hline \end{array}$	$\begin{array}{r} 2\ 1\ 7 \\ +\ 3\ 1 \\ \hline \end{array}$





Carta Penambahan Untuk Hafalan

$$\begin{array}{l} 5 + 5 = 10 \\ 5 + 6 = 11 \\ 5 + 7 = 12 \\ 5 + 8 = 13 \\ 5 + 9 = 14 \end{array}$$

$$\begin{array}{l} 6 + 4 = 10 \\ 6 + 5 = 11 \\ 6 + 6 = 12 \\ 6 + 7 = 13 \\ 6 + 8 = 14 \\ 6 + 9 = 15 \end{array}$$

$$\begin{array}{l} 7 + 3 = 10 \\ 7 + 4 = 11 \\ 7 + 5 = 12 \\ 7 + 6 = 13 \\ 7 + 7 = 14 \\ 7 + 8 = 15 \\ 7 + 9 = 16 \end{array}$$

$$\begin{array}{l} 8 + 2 = 10 \\ 8 + 3 = 11 \\ 8 + 4 = 12 \\ 8 + 5 = 13 \\ 8 + 6 = 14 \\ 8 + 7 = 15 \\ 8 + 8 = 16 \\ 8 + 9 = 17 \end{array}$$

$$\begin{array}{l} 9 + 1 = 10 \\ 9 + 2 = 11 \\ 9 + 3 = 12 \\ 9 + 4 = 13 \\ 9 + 5 = 14 \\ 9 + 6 = 15 \\ 9 + 7 = 16 \\ 9 + 8 = 17 \\ 9 + 9 = 18 \end{array}$$

Lembaran Kerja

Nama : \_\_\_\_\_ Kelas : (    )      Tarikh: \_\_\_\_\_

Tambahkan:

$$\begin{array}{r} 143 \\ + 39 \\ \hline \end{array}$$

$$\begin{array}{r} 118 \\ + 14 \\ \hline \end{array}$$

$$\begin{array}{r} 317 \\ + 24 \\ \hline \end{array}$$

$$\begin{array}{r} 436 \\ + 17 \\ \hline \end{array}$$

$$\begin{array}{r} 249 \\ + 31 \\ \hline \end{array}$$

$$\begin{array}{r} 253 \\ + 38 \\ \hline \end{array}$$

$$\begin{array}{r} 434 \\ + 29 \\ \hline \end{array}$$

$$\begin{array}{r} 635 \\ + 15 \\ \hline \end{array}$$

**Ringkasan Sesi**

Komen: Ucapan tahniah diberi kerana pembentang membentang dengan tersusun menggunakan grafik. Saya dapat pengalaman baru cara mengajar Matematik dari pembentangan. Terima kasih kerana menarik pembentangan (Cikgu Louise).

Soalan 1: Saya belum nampak penggunaan pembilang dan jari. Boleh minta demonstrasi sedikit mengguna pembilang dan jari? (En. Napie)

Jawapan: Sebutkan dalam mulut (secara langsung) dan nombor terbesar akan disimpan dalam mulut, diikuti dengan jari. Murid akan dapat nombor yang dikehendaki (Cikgu Chua Lay Ing).

Dilaporkan oleh:

Cikgu Semang Kulih,  
Sek. Keb. St Martin